

## **PERANAN PDRM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA: SUATU PENGAJARAN UNTUK DIPELAJARI**

Mohd Rizaimy Shaharudin, Noor Zahirah Mohd Sidek, Rosmaiza Abdul Ghani, Khairul Azfar Adzahar, Nurul Atikah Adnan

### **ABSTRACT**

*The Royal Malaysia Police (RMP) is the lead agency of the Movement Control Order for public safety and order and is assisted by other government agencies to control the spread of the COVID-19 virus in Malaysia. The Royal Malaysia Police's success in helping the Ministry of Health in curbing COVID-19 has been proven when standard operating procedures have produced a practical enforcement impact. Therefore, it is essential that the methods and experience of the Royal Malaysia Police can be a good guide for future reference. This includes documenting the processes and actions taken by PDRM in combating the COVID-19 epidemic through the implementation of the Movement Control Order nationwide. This article aims to collect and analyze the travel records of the enforcement of the Movement Control Order carried out in Malaysia. This study was conducted using secondary data obtained from the reports prepared and recorded in the Diary OP COVID-19. From the analysis, the Movement Control Order's findings have been obtained from various angles of enforcement, control, announcement, preparation, extension, improvement, violation, and termination strategy of the Movement Control Order. Apart from that, the establishment of the OP COVID-19 central committee, the matrix of OP COVID-19 issues, and the findings from the introduction of key statistics of OP COVID-19 have also been successfully identified, to guide the operations of the Movement Control Order by the Royal Malaysia Police in the future.*

**Keywords:** PKP; Enforcement; OP Diary; COVID-19; Record

## ABSTRAK

Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah merupakan agensi peneraju utama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi keselamatan dan ketenteraman awam dengan dibantu oleh agensi-agensi kerajaan yang lain bagi mengawal penularan virus COVID-19 di Malaysia. Kejayaan PDRM dalam membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membendung COVID-19 telah terbukti apabila prosedur operasi standard (SOP) menghasilkan impak penguatkuasaan yang berkesan. Oleh yang demikian, adalah penting kaedah yang direka melalui SOP serta pengalaman PDRM boleh menjadi panduan yang baik sebagai rujukan di masa hadapan. Ini termasuklah mendokumentasikan proses dan tindakan yang diambil oleh PDRM dalam memerangi wabak COVID-19 melalui pelaksanaan PKP di seluruh negara. Tujuan artikel ini ditulis adalah untuk mengumpul dan menganalisa rekod perjalanan penguatkuasaan PKP yang dilaksanakan di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan data sekunder yang diperolehi dari laporan-laporan yang disediakan dan direkodkan di dalam Diari OP COVID-19. Melalui analisa kajian yang dijalankan, dapatan perjalanan PKP telah diperolehi dari pelbagai sudut penguatkuasaan, kawalan, pengumuman, persediaan, perlanjutan, penambahbaikan, pelanggaran serta strategi penamatan PKP. Selain daripada itu, penubuhan jawatankuasa induk OP COVID-19, matriks isu-isu OP COVID-19 dan dapatan hasil dari pengenalan statistik utama OP COVID-19 juga telah berjaya dikenalpasti untuk panduan pengoperasian PKP oleh PDRM di masa hadapan.

**Kata Kunci:** *PKP; Penguatkuasaan; Diari OP; COVID-19; Rekod*

## PENGENALAN

Apabila World Health Organization (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai satu pandemik pada Mac 2020, kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan PKP bermula 18 Mac 2020 bagi mengawal penularan virus ini di Malaysia. Pengawalan jangkitan adalah penting bagi memastikan hospital-hospital dan pusat-pusat kuarantin mencukupi di seluruh negara. Kerajaan telah menguatkuasakan 4 fasa PKP, 2 fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam negara.

PDRM telah ditugaskan sebagai agensi yang mengetuai penguatkuasaan PKP dengan dibantu oleh beberapa agensi kerajaan yang lain termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kejayaan PDRM dalam membantu KKM membendung COVID-19 telah terbukti apabila SOP yang digunakan bagi memerangi Covid-19 melalui pelaksanaan PKP adalah amat berkesan. Tambahan pula, keberkesanan SOP telah dapat dicapai dalam masa singkat dan banyak perkara yang PDRM telah pelajari dalam krisis pandemik ini (Sinar Harian, 2020). Walau bagaimanapun, terdapat persoalan bagaimana PDRM boleh menjadikan keberkesanan mengendalikan SOP semasa pandemik ini sebagai satu panduan untuk rujukan di masa hadapan sekiranya wabak COVID-19 ini kembali berulang di Malaysia.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi PDRM yang merupakan agensi peneraju utama PKP bagi keselamatan dan ketenteraman awam melaporkan kesemua aktiviti sepanjang PKP untuk dijadikan rujukan jika berlaku pandemik seumpama ini di masa hadapan. Menurut Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Abdul Hamid Bador segala proses dan tindakan yang diambil oleh PDRM dalam memerangi wabak COVID-19 termasuk pelaksanaan PKP perlu didokumentasikan untuk dijadikan sebagai rujukan pada masa hadapan (Bernama, 2020). Ini bagi membolehkan generasi baharu PDRM dapat menggunakan acuan yang telah digunapakai sekarang untuk menghadapi serangan virus di masa hadapan tanpa sebarang masalah.

Susunan pengumuman PKP pada 16 Mac 2020, mesyuarat harian yang dipengerusikan oleh KPN dan Timbalan Ketua Polis Negara (T/KPN) telah diadakan bagi membentangkan persediaan, laporan harian serta *way forward* bagi memastikan kepatuhan masyarakat terhadap PKP ini. Diari OP COVID-19 telah digunakan bagi merekod dan mencatatkan pelbagai perkara yang melibatkan aspek keselamatan dan ketenteraman awam di bawah bidang tugas PDRM. Oleh itu, artikel ini ditulis bertujuan untuk mengumpul dan menganalisa rekod perjalanan penguatkuasaan PKP yang dijalankan di Malaysia.

Artikel ini disusun seterusnya dalam empat bahagian. Pada bahagian selanjutnya, kajian literatur dengan penguatkuasaan sepanjang PKP di negara-negara luar dan di Malaysia telah dibincangkan. Ini diikuti oleh metodologi kajian yang dijelaskan pada bahagian ketiga, dan hasil analisa data dibentangkan pada bahagian keempat. Bahagian kelima dan yang terakhir adalah rumusan dan kesimpulan kajian yang diringkaskan pada penghujung artikel ini.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Penguatkuasaan Sepanjang PKP Bagi Mendepani Pandemik di Negara-Negara Luar dan di Malaysia**

Kesan dari pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam nyawa tetapi juga mengakibatkan kesan yang buruk dan menjejaskan aktiviti ekonomi global. Menyingkap sejarah tindakan pembendungan wabak-wabak sebelum ini, seperti penularan SARS, akhir Februari tahun 2003, wabak ini telah menyebabkan berlakunya sekatan perjalanan yang dijalankan oleh pihak berkuasa ke wilayah Asia yang terjejas dengan wabak ini. Tindakan kuarantin dan pengasingan di bandar-bandar besar telah dilakukan dalam usaha untuk mengawal penyebaran. Malah, Presiden Amerika Syarikat ketika itu telah menandatangani perintah eksekutif untuk menambahkan SARS dalam senarai penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin. Di bandar-bandar yang terjejas, seperti di Beijing, China, pegawai polis diarahkan untuk berkawal di seluruh bandar bagi memastikan penduduk tidak berada di tempat selain daripada di rumah. Kesannya, jalanraya yang biasanya penuh sesak dan dipenuhi dengan

kenderaan awam dan persendirian, tiba-tiba lengang tanpa pengguna jalan raya. Tempat-tempat kunjungan awam ditutup, dirantai dan dikawal ketat (Overby, et al., 2004).

Situasi yang hampir sama dapat dilihat ketika berlakunya penularan meluas wabak Ebola sekitar tahun 2013 hingga 2016. Sierra Leone, Liberia dan Guinea merupakan tiga negara yang dilanda teruk dengan wabak ini. Wabak yang dikesan berpunca daripada sentuhan dengan kelawar telah mencatatkan penularan jangkitan sebanyak lebih daripada 28,600 kes dengan lebih daripada 11,300 kematian dalam tempoh 2 tahun (Bonwitt, et al., 2018). Antara tindakan utama untuk mengawal penyebaran wabak ini termasuklah sekatan jalan raya yang diadakan di beberapa lokasi utama penyebaran wabak tersebut. Malah, Siera Leone telah mengisytiharkan darurat pada 31 Julai 2014 selepas penularan wabak dan mengadakan sekatan ketat terhadap pergerakan orang ramai di negara tersebut.

Terkini, ketika berhadapan dengan ancaman COVID-19, tindakan Malaysia membendung penularan COVID-19 disifatkan lebih bersedia, pantas dan proaktif berbanding ketika berdepan wabak berbahaya terdahulu seperti SARS dan Ebola. Tindakan ini termasuklah penguatkuasaan ke atas sekatan perjalanan dan sekatan jalan raya di dalam dan ke luar negara. Hampir semua negara yang terjejas dengan COVID-19 telah menguatkuasakan PKP atau kuarantin serta sekatan perjalanan ke dalam dan luar negara bagi mengawal penularan. China, negara yang didakwa sebagai negara punca kepada penularan COVID-19 seumpamanya, telah melancarkan perintah kuarantin secara besar-besaran di seluruh Wilayah Hubei yang menjejaskan lebih 40 juta penduduknya (Khor et al., 2020). Sekatan jalan raya telah diadakan di seluruh kawasan ibu negara wilayah tersebut bagi menghalang kenderaan yang cuba keluar dari bandar dan tiada sesiapa yang berani meninggalkan bandar itu.

Bagi negara Asia Tenggara, Thailand adalah merupakan antara negara terawal yang telah mengambil langkah penggantungan kemudahan visa negara-negara yang menjadi punca wabak ini (Bernama, 2020). Selain itu, perintah berkurung juga telah dilaksanakan di seluruh negara bertujuan untuk membendung daripada COVID-19 terus merebak dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan Thailand telah melarang kemasukan semua warga asing yang bukan penduduk ke dalam negara.

Manakala di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Seksyen 15 (1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334). PKP atau *Restricted Movement Order (RMO)* dikuatkuasakan bagi menyekat sebaran COVID-19 demi keselamatan rakyat. Dalam masa yang sama, rakyat diwajibkan untuk mematuhi setiap peraturan yang telah dikuatkuasakan dalam tempoh tersebut. Sekatan ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk PDRM, JIM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta RELA. Sekatan perjalanan ini bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia terus patuh dan kekal di rumah bagi memerangi serta mengawal penularan wabak ini (Khor et al., 2020). Walaubagaimanapun, PDRM adalah agensi yang dilantik mengetuai pemeriksaan pematuhan SOP secara keseluruhan di seluruh negara terutama membabitkan perjumpaan sosial, bagi mengurangkan pergerakan dan risiko jangkitan (Mokhtar, 2021).

Sekatan perjalanan menyeluruh telah dilaksanakan meliputi semua perjalanan di dalam negara samada antara daerah atau antara negeri serta perjalanan ke luar negara. Sekatan perjalanan juga dikuatkuasakan terhadap warganegara dan penduduk tetap Malaysia ke luar negara dan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara. Bagi warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang pulang dari luar negara, mereka dibenarkan masuk dan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan serta menjalani tempoh kuarantin sendiri selama 14 hari. Sekatan perjalanan ini juga dikuatkuasakan bagi perjalanan domestik kecuali bagi warganegara Malaysia yang telah mendapat pelepasan pihak berkuasa atas sebab-sebab tertentu. Malah, bagi warganegara atau penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit bekerja di luar negara dibenarkan keluar dari Malaysia ke negara tersebut namun mereka tidak dibenarkan pulang ke Malaysia dalam tempoh PKP.

Bermula PKP Fasa 1 iaitu pada 18 Mac 2020, sekatan jalanraya telah didirikan di seluruh lokasi yang strategik dan diyakini oleh pihak berkuasa menjadi jalan tumpuan orang ramai. Sekatan jalanraya ini pada mulanya

melibatkan pihak PDRM sahaja, namun, berikutan keengganan sebilangan rakyat Malaysia untuk patuh terhadap arahan yang dikeluarkan dan disebabkan bilangan penangkapan yang semakin meningkat, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk melibatkan jabatan-jabatan beruniform yang lain seperti ATM dan RELA untuk membantu dalam operasi mengawal bagi memastikan kepatuhan rakyat Malaysia, terutamanya di sekatan jalanraya yang diadakan.

Walaupun sekatan jalanraya yang diadakan bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia untuk kekal sentiasa berada di rumah, namun, masih ada individu-individu yang ingkar terhadap arahan PKP. Malah, bilangan individu yang ditangkap di sekatan jalanraya disebabkan alasan yang tidak munasabah dan pelbagai kesalahan semakin meningkat dari hari ke hari iaitu melebihi 25,000 individu sejak 18 Mac 2020 (Ahmad, 2020). Bermula 4 Mei 2020, susulan daripada pengumuman Perdana Menteri Malaysia ketika itu, berkenaan pelaksanaan PKPB, sekatan jalanraya di seluruh negara telah dilonggarkan dan hampir ke semua sektor ekonomi dan sosial dibuka semula. Terdapat sekatan jalanraya di lokasi tertentu telah ditarik balik disebabkan oleh penstrukturan semula operasi sekatan jalanraya, namun, pergerakan rakyat Malaysia masih terhad kerana individu yang ingkar terhadap peraturan, masih boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti PKP sebelumnya. Hanya pergerakan dengan syarat-syarat tertentu sahaja dibenarkan. Keadaan ini kekal sehingga 9 Jun 2020 apabila pelaksanaan PKPP, di mana sekatan jalanraya telah ditarik balik di semua lokasi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan menggunakan penyelidikan secara kualitatif, yang mana data kualitatif adalah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen (Jasmi, 2012). Melalui kajian ini, nota lapangan, diari pengkaji dan rekod merupakan kutipan data yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Data yang diperolehi adalah berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor & Bogdan, 1984). Menurut Patton (1990), secara terperinci, ianya terhasil daripada tiga jenis data seperti berikut:

- i. Hasil pemerhatian: Huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.
- ii. Hasil pembicaraan: Kutipan langsung dari pernyataan orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temu bual mendalam
- iii. Bahan tertulis: Petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan bahan bertulis serta laporan-laporan yang dikemukakan kepada pihak Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM). Selain daripada itu, bahan-bahan bertulis juga diperolehi dari laporan-laporan yang disediakan dan direkodkan di dalam Diari OP COVID-19. Rekod-rekod ini adalah penting bagi tujuan rujukan perjalanan PKP di masa hadapan. Diari OP COVID-19 disediakan bagi mencatat pelbagai perkara dalam aspek keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya bidang tugas PDRM dalam membantu kerajaan untuk memastikan kelancaran PKP dilaksanakan dengan sempurna. Ini termasuklah rekod perjalanan penguatkuasaan PKP secara terperinci yang merangkumi tahap kepatuhan, arahan penguatkuasaan, teguran berkenaan penguatkuasaan, penambahbaikan penguatkuasaan dan aktiviti jenayah serta pelanggaran arahan PKP.

Antara perkara utama yang dilaporkan dalam diari ini adalah termasuk:

- i. Tahap kepatuhan arahan PKP.
- ii. Arahan penguatkuasaan PKP.
- iii. Teguran berkenaan penguatkuasaan PKP.
- iv. Penambahbaikan penguatkuasaan PKP; dan
- v. Aktiviti jenayah atau pelanggaran arahan PKP.

## **ANALISA DATA**

### **Perjalanan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**

Berikut adalah sejarah perjalanan PKP yang dijalankan di Malaysia seperti yang dilaporkan ke pihak IPSOM dan direkodkan di dalam Diari OP COVID-19.



### **i) Kawalan Awal Penularan COVID-19**

Pada awal penularan virus ini, kerajaan di bawah Pakatan Harapan mengambil langkah berjaga-jaga dan masih membenarkan semua sektor terutamanya ekonomi dan sosial dalam negara beroperasi seperti biasa. Hal ini adalah kerana, kes yang dilaporkan di Malaysia dari mula penularan virus ini dikesan di China hanyalah 22 kes sehingga 27 Februari 2020 dan kebanyakan kes adalah merupakan kes import yang terdiri bukan warganegara Malaysia. Dalam tempoh sehingga PKP dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020, Pasukan Gerakan Am (PGA) PDRM telah ditugaskan untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman awam negara yang melibatkan perihal COVID-19.

### **ii) Peralihan Kuasa Politik Negara**

Pada 24 Februari 2020, YAB Perdana Menteri ke-7 telah mengutuskan surat peletakan jawatan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) kerana mempercayai bahawa beliau tidak lagi mempunyai majoriti Ahli Dewan Rakyat yang menyokong beliau sebagai Perdana Menteri. Hasil temu bual YDPA dengan ahli-ahli Dewan Rakyat, baginda mendapati bahawa Tan Sri Muhyiddin Yassin mendapat suara majoriti Parlimen. Baginda berkenan melantik beliau sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac 2020 dan blok kerajaan kini beralih dari Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional.

### **iii) Perhimpunan Ijtimak Tabligh Di Masjid Sri Petaling**

Fasa pertama penularan COVID-19 Malaysia berjaya dikawal sepenuhnya pada bulan Februari 2020. Pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020 yang lalu, satu perhimpunan tabligh telah dianjurkan di Masjid Seri Petaling yang melibatkan hadirin yang ramai. Oleh kerana tiada catatan rasmi rekod kehadiran perhimpunan ini, adalah dipercayai kira-kira 14,000 orang yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara telah hadir ke perhimpunan ini. Hasil siasatan awal KKM mendapati terdapat penularan aktif wabak COVID-19 di kalangan jemaah tabligh tersebut. Sejak perhimpunan tabligh tersebut bersurai, kes positif di dalam negara semakin meningkat secara mendadak dan kebanyakan kes tersebut adalah melibatkan kluster ini yang diberi nama Kluster Perhimpunan Tabligh.

#### iv) Pengumuman PKP

Hasil saranan WHO dan bagi mengekang penularan yang begitu cepat di kalangan warga Malaysia, menggunakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkan PKP, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 pada 16 Mac 2020 dan mula berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 (Rabu) tepat jam 12 malam.

#### v) Persediaan PKP

Menteri Kanan Pertahanan ketika itu (Kluster Keselamatan), telah diamanahkan untuk memperhalusi dan menggerakkan kawalan keselamatan sepanjang tempoh PKP. Kerajaan baharu yang berusia lebih kurang dua minggu telah melaksanakan langkah proaktif bagi mengekang penularan pandemik ini dan usaha ini dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi dari pelbagai agensi keselamatan negara. Kerajaan telah memberi tempoh hampir dua hari bagi rakyat dan industri untuk bersiap sedia sebelum PKP dikuatkuasakan. Pengumuman awal ini ternyata menyebabkan keadaan sedikit panik dirasai oleh rakyat menyebabkan beberapa tempat awam telah dibanjiri orang ramai termasuk pasar awam dan terminal pengangkutan awam. Insiden ini telah memburukkan situasi penularan COVID-19 kerana virus ini mudah tersebar di tempat-tempat awam yang tidak mengamalkan penjarakkan sosial.

#### vi) Perlanjutan PKP

Kawalan awal penularan COVID-19 dilaksanakan melalui PKP dan ianya telah dilanjutkan sebanyak 4 kali seperti ditunjukkan di dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Fasa dan Tempoh PKP**

Fasa	Tempoh
PKP Fasa 1	18 Mac – 31 Mac 2020
PKP Fasa 2	1 April – 14 April 2020
PKP Fasa 3	15 April – 28 April 2020
PKP Fasa 4	29 April – 3 Mei 2020

Setelah melaksanakan 4 fasa PKP, penularan COVID-19 berjaya dikawal namun belum sepenuhnya. Sehubungan itu, bagi memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat dan menggerakkan sektor ekonomi semula, PKPB dikuatkuasakan seperti di dalam laporan Jadual 2

**Jadual 2: Fasa dan Tempoh PKPB**

Fasa	Tempoh
PKPB Fasa 1	4 Mei – 12 Mei 2020
PKPB Fasa 2	13 Mei – 9 Jun 2020

Seterusnya, pemerhatian KKM mendapati penularan tempatan di kalangan warganegara adalah amat sedikit dalam tempoh PKPB, hasil pemerhatian tersebut, kerajaan bersetuju untuk melonggarkan lagi PKPB kepada PKPP seperti di dalam Jadual 3

**Jadual 3: Tempoh PKPB**

Fasa	Tempoh
PKPB	10 Jun – 31 Ogos 2020

Dalam mengawal penularan tempatan semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP, kerajaan juga menguatkuasakan beberapa versi PKP seperti berikut:

- a) PKPD - Dilaksanakan secara setempat di kawasan yang mempunyai penularan COVID-19 yang tinggi di satu-satu kawasan. Semua penduduk dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD sepanjang tempoh penguatkuasaan arahan ini; dan
- b) PKPP - Dilaksanakan secara setempat di kawasan yang mempunyai penularan COVID-19 yang tinggi di satu-satu kawasan, namun ianya lebih longgar dengan SOP yang sedikit berbeza berbanding PKPD.

#### **vii) Arahan Penguatkuasaan PKP**

Antara arahan penguatkuasaan PKP yang wajar diberi perhatian termasuklah:

- a) *Malaysia Control Centre* (MCC) akan beroperasi secara *full manning* mulai 18 Mac 2020 dan dikendalikan oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA);

- b) Aliran saluran komunikasi adalah melalui *District Control Centre* (DCC), *Contingent Control Centre* (CCC) dan kepada MCC;
- c) Pemantauan dan pematuhan PKP melalui rondaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Motor Patrol Vehicle (MPV) serta sekatan jalanraya (SJR);
- d) Semua langkah penguatkuasaan direkodkan secara bertulis dan bergambar;
- e) Semua *Press Conference* dibuat oleh KPN, T/KPN dan Pesuruhjaya Polis (PJP) /Ketua Polis (KP) sahaja;
- f) Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) yang mengendalikan kes-kes kemalangan jalan raya tidak memberi bantuan kecemasan sehingga ambulans tiba di tempat kejadian;
- g) SJR perlu meminta dokumen pengesahan perjalanan dan budi bicara pegawai untuk membenarkan individu meneruskan perjalanan atau berpatah balik;
- h) Ketua Polis Daerah (KPD) bertanggungjawab terhadap pusat kuarantin dalam daerah masing-masing;
- i) DCC, CCC, MCC dan Public Relation Officer (PRO) perlu melaporkan kes-kes menarik dari masa ke semasa;
- j) Satu kenderaan awam hanya untuk satu individu sahaja dan sekiranya lebih, kebenaran untuk bergerak boleh diberikan bergantung kepada budi bicara pegawai di SJR;
- k) Kontinjen perlu mengemukakan *compliance assessment* dan maklumat perlu disalurkan ke MCC; dan
- l) Pergerakan berkaitan pembekalan makanan perlu dibenarkan.

#### **viii) Teguran Penguatkuasaan PKP**

Antara teguran semasa penguatkuasaan PKP yang wajar diberi perhatian termasuklah:

- a) KPN / T/KPN menzahirkan rasa kecewa pada hari ke-4 PKP (21 Mac 2020) berkenaan bilangan SJR yang semakin menurun sehingga hampir 70% dari hari sebelumnya;
- b) Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengarahkan kontinjen hanya boleh buat *press statement* dan bukan *press conference*;
- c) Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) mengingatkan ahli mesyuarat untuk menjaga kerahsiaan maklumat mesyuarat;

- d) Sidang media atau *press statement* perlu dibuat secara berhati-hati terutamanya berkenaan isu Jemaah Tabligh;
- e) Terdapat SJR yang menggunakan jumlah anggota melebihi daripada yang ditetapkan; dan
- f) Keperluan mempercepatkan pendakwaan pelanggaran perintah PKP.

#### **ix) Penambahbaikan Penguatkuasaan PKP**

Antara penambahbaikan penguatkuasaan PKP yang wajar diberi perhatian termasuklah:

- a) Penangkapan atau tindakan mestilah secara berhemah dan tidak sembrono;
- b) Semua anggota perlu memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) yang betul;
- c) SJR di plaza tol untuk tidak membenarkan pergerakan *interstate*;
- d) Kawalan sempadan oleh JKDNKA di pintu sempadan termasuk lorong tikus, jeti, pelabuhan perlu dipertingkatkan bagi menghalang kemasukan warga asing;
- e) Pemberian kompaun untuk kesalahan berkaitan pelanggaran PKP untuk mengurangkan kesesakan di penjara;
- f) Kenderaan yang membawa muatan besar untuk bergerak pada sebelah malam;
- g) Pusingan tugas oleh anggota di SJR untuk memastikan momentum kekal baik;
- h) Mahkamah khas untuk kes berkaitan PKP;
- i) Arahan Pentadbiran berkaitan persediaan untuk menggerakkan pesara polis di bawah Akta Polis 1967 siap disediakan;
- j) Mekanisme kebenaran pergerakan orang awam adalah secara *silent* dan tidak perlu hebahan dan terpulang pada budi bicara PJP/KP negeri;
- k) Laluan khas untuk orang awam yang ingin mendapatkan rawatan;
- l) *Mobile Card Acceptance Device* (MCAD) digunakan untuk mengakses data berkaitan *essential services*;
- m) Penggunaan *Geofencing* untuk memantau pesakit dalam pemantauan (PUS);

- n) Penggunaan *Automatic Number Plate Recognition* (ANPR) untuk memantau nombor *plate* kenderaan;
- o) Penggunaan *barb wire* untuk menutup jalan tikus;
- p) Penggunaan *drone* untuk pemantauan;
- q) Penggunaan kontena/kabin yang dimodifikasi bagi kegunaan SJR; dan
- r) Penggunaan *Geographical Information System* (GIS) untuk menentukan lokasi SJR yang sesuai berdasarkan *smart deployment*.

**x) Aktiviti Jenayah Atau Pelanggaran Arahan PKP**

Antara aktiviti jenayah atau pelanggaran arahan PKP penguatkuasaan PKP yang wajar diberi perhatian termasuklah:

- a) Hasil kajian syarikat telekomunikasi mendapati PUS masih bebas keluar dan tidak kekal berada di rumah;
- b) Corak pengedaran dadah adalah menggunakan penghantar makanan *Grab Food* dan *Grab Car*.
- c) Terdapat rumah-rumah ibadat yang masih beroperasi; dan
- d) Terdapat pusat hiburan seperti pusat karaoke yang masih beroperasi.

**xi) Strategi Penamatan (*Exit Strategy*) PKP**

Susulan pengurangan kes penularan tempatan yang ketara dalam tempoh PKPB, YAB Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkan pelaksanaan PKPP pada 7 Jun 2020 dan mula berkuatkuasa pada 10 Jun 2020. Dalam tempoh pelaksanaan PKPP ini, kerajaan bersetuju memberi kelonggaran yang lebih besar kepada masyarakat termasuk perkara berikut:

- a) perjalanan rentas negeri dibenarkan kecuali di kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD),
- b) hampir semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya akan beroperasi semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP;
- c) aktiviti komersial yang melibatkan urus niaga jualan dan pemasaran bukan dalam premis perniagaan juga dibenarkan; dan
- d) sekolah akan dibuka secara berperingkat.

Walau bagaimanapun, beberapa sektor masih lagi tidak dibenarkan termasuk pub, kelab malam, pusat hiburan, pusat refleksologi, pusat

karaoke, taman tema, perarakan keagamaan dalam jumlah yang ramai. Susulan pengurangan kes penularan tempatan yang amat ketara, *exit strategy* akan dibincangkan oleh PDRM bagi merangka SOP baharu berdasarkan norma baru 3C (*Crowded Places, Confined Spaces and Close Conversation*). Kerajaan juga akan melaksanakan konsep *green bubble* di mana pintu sempadan akan dibuka kepada warga asing dari negara yang mempunyai kes yang amat rendah dengan SOP Pasca Pandemik yang ketat. Antara perkara yang akan dipertimbangkan dalam SOP ini adalah rekod penularan dan bilangan zon hijau sesebuah negara sebelum membenarkan warga asing tersebut dibenarkan masuk ke Malaysia.

#### **xii) Jawatankuasa Induk OP COVID-19**

Dalam sektor Keselamatan dan Ketenteraman Awam, PDRM telah diamanahkan sebagai agensi yang mengetuai penguatkuasaan PKP dibantu oleh beberapa agensi kerajaan yang lain termasuklah ATM, JIM, APMM, APM, RELA dan PBT.

#### **xiii) Matriks Isu-Isu OP COVID-19**

Beberapa perkara perlu dilihat semula bagi membantu PDRM untuk bersedia menghadapi risiko penularan wabak dan meningkatkan keberkesanan PKP di masa akan datang. Untuk rentas negeri, antara isu yang dihadapi oleh kontinjen penguatkuasaan berkenaan dengan permohonan rentas sempadan negeri adalah seperti Jadual 4. Tiada laporan diterima dari negeri Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Pahang dan negeri-negeri yang lain.

**Jadual 4: Isu yang dihadapi oleh Agensi Penguatkuasaan Dengan Permohonan Rentas Sempadan Negeri**

Negeri	Isu	Tindakan yang diambil
Kedah	<p>Permohonan masuk dalam jumlah yang tinggi pada satu-satu masa.</p> <p>Individu yang bekerja sendiri tidak mempunyai dokumen daripada majikan menyebabkan permohonan mereka ditolak.</p> <p>Permohonan untuk menziarah dan mengambil anak yang berada di kampung</p> <p>Permohonan pergerakan yang kurang mendesak seperti rawatan gigi, ke klinik haiwan.</p> <p>Permohonan pergerakan menziarah kematian dengan bilangan ahli keluarga yang ramai.</p> <p>Permohonan untuk servis kenderaan di negeri lain.</p> <p>Permohonan beramai-ramai ke IPD Kuala Muda untuk mendapatkan surat rentas negeri dengan alasan majikan mengarahkan untuk bekerja.</p>	<p>Hebahan kepada orang awam untuk merancang pergerakan lebih awal agar tidak berlaku kesesakan.</p> <p>Hebahan dibuat kepada orang awam yang mengemukakan surat daripada majikan.</p> <p>Menasihati orang awam agar mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh MKN.</p> <p>Hebahan dilakukan di semua SJR di dalam Kawasan Pentadbiran Daerah Kuala Muda untuk memberi pelepasan kepada kenderaan (<i>essential services</i>) yang mengemukakan surat majikan.</p> <p>Pihak IPD Kuala Muda membuat penelitian dan memberi kelulusan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan secara ‘<i>case-by-case</i>’.</p>
Perak	<p>Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan tiada dokumen seperti surat majikan.</p> <p>Kekangan alat kelengkapan seperti kertas dan mesin fotostat.</p> <p>Orang awam kurang mengikuti arahan-arahan</p>	<p>Mengarahkan pemohon untuk melengkapkan dokumen permohonan dan menyertakan dokumen-dokumen sokong yang diperlukan.</p> <p>Menasihati anggota dan pegawai agar bersabar dengan kerenah orang awam dan berkelakuan secara berhemah</p>



semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan menyebabkan berlakunya kekeliruan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan mereka bagi merentas negeri. Orang awam tidak tahu mengisi borang dan di mana untuk mendapatkan borang. Kesesakan di balai apabila orang awam berpusu-pusu datang serentak untuk mendapatkan borang.

dan professional agar masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan PDRM. Mengatur anggota PDRM untuk turut membantu orang awam mengisi borang dan berkumpul mengikut keutamaan pergerakan seperti kecemasan, kebajikan, rawatan dan sebagainya.

Kuala Lumpur	Masalah kehabisan toner pencetak. Permohonan tidak lengkap dan tidak munasabah. Pemohon tinggal di luar kawasan pentadbiran balai. Orang awam beratur panjang di dalam keadaan cuaca yang panas untuk mengambil dan mengisi borang.	Pemohon dinasihati untuk melengkapkan borang permohonan bersama dokumen sokongan daripada pihak yang berkaitan. Permohonan tidak diluluskan jika tiada sokongan dokumen atau atas alasan yang tidak munasabah. Pihak PDRM telah menerangkan tatacara untuk memohon kebenaran rentas negeri mengikut arahan terkini. Balai telah menyediakan beberapa buah kanopi, kerusi dan meja di hadapan pos pengawal untuk kemudahan orang awam yang beratur mendapatkan kelulusan rentas negeri.
--------------	---	--

Negeri Sembilan	Tiada kerusi dan khemah yang mencukupi. Pemohon tidak membuat persediaan awal seperti mengisi borang dan	Khemah dan tempat duduk tambahan tidak dapat disediakan kerana melibatkan kos tambahan dan untuk tidak menggalakkan orang awam
-----------------	--	--

menyediakan salinan berkumpul beramai-ramai pada dokumen yang diperlukan satu-satu masa. sehingga menyebabkan proses permohonan mengambil masa yang panjang. Orang lain pula terpaksa menunggu lama.

Terengganu	<p>Dokumen tidak lengkap. Permohonan atas alasan kecemasan tetapi bukan kecemasan.</p> <p>Terdapat kekeliruan mengenai sebab-sebab kebenaran selain alasan kecemasan.</p> <p>Tiada ruang menunggu untuk permohonan rentas negeri.</p> <p>Dokumen tidak lengkap. Permohonan di atas alasan yang tidak munsubah.</p>	<p>Menerangkan perihal dokumen yang perlu dilengkapkan dan dilampirkan untuk tujuan rentas negeri.</p> <p>Menjelaskan alasan-alasan yang dibenarkan.</p> <p>Merujuk pegawai atasan atau MKN untuk kes-kes terpencil.</p> <p>Khemah disediakan untuk ruangan menunggu.</p>
------------	--	---

---

#### **xiv) Statistik Utama OP COVID-19**

Bagi memastikan PKP yang berkesan, kawalan keselamatan dan sekatan jalanraya (SJR) telah diadakan di seluruh negara berdasarkan lokasi strategik bagi menyekat pergerakan yang tidak perlu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sepanjang PKP dilaksanakan, statistik utama OP COVID-19 telah diperolehi untuk rujukan di masa hadapan.

### **RUMUSAN**

PKP yang julung-julung kali dikuatkuasakan pada tahun 2020, banyak memberi pengajaran kepada semua pihak terutamanya PDRM bagi membendung pandemik yang telah melanda dunia, secara proaktif dan efektif. Terdapat banyak ruang penambahbaikan dan pengajaran yang perlu dititik beratkan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PKP di masa akan datang sekiranya arahan ini perlu dikuatkuasakan semula. Antara perkara yang paling utama yang perlu dilihat semula termasuk:

- i) meningkatkan komunikasi berkesan antara semua pihak terutamanya antara agensi-agensi kerajaan;
- ii) mengkaji semula *chain of command* dalam PDRM;
- iii) mengkaji semula *communication plan* PDRM terhadap media;
- iv) mengkaji semula fungsi MCC, CCC dan DCC; dan
- v) meningkatkan keupayaan logistik dalam menghadapi situasi luar jangkaan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan bersifat kualitatif menggunakan data sekunder yang diperolehi dari laporan-laporan yang disediakan dan direkodkan di dalam Diari OP COVID-19. Rekod-rekod dari diari ini adalah penting bagi tujuan rujukan perjalanan PKP di masa hadapan. Kajian ini adalah selaras dengan kehendak KPN supaya segala proses dan tindakan yang diambil oleh PDRM dalam memerangi wabak Covid-19 termasuk pelaksanaan PKP perlu didokumentasikan bagi tujuan rujukan generasi masa hadapan PDRM. Melalui analisa kajian yang dijalankan, dapatan perjalanan PKP telah diperolehi dari pelbagai sudut. Ini termasuklah perkara-perkara yang melibatkan bidang tugas PDRM selaku agensi peneraju utama PKP seperti kawalan awal penularan COVID-19, peralihan kuasa politik negara, peristiwa perhimpunan Ijtimak Tabligh di Masjid Sri Petaling, pengumuman PKP, persediaan PKP, perlanjutan PKP, arahan penguatkuasaan PKP, teguran penguatkuasaan PKP, penambahbaikan penguatkuasaan PKP, aktiviti jenayah atau pelanggaran arahan PKP, strategi penamatan (*Exit Strategy*) PKP, penubuhan jawatankuasa induk OP COVID-19, matriks isu-isu OP COVID-19 dan dapatan hasil dari pengenalan statistik utama OP COVID-19. Selain daripada itu, kajian juga mencadangkan lima perkara utama yang perlu dilihat semula bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PKP di masa akan datang. Dengan adanya analisa dan pengumpulan maklumat kajian ini, ianya dapat dijadikan sebagai panduan mengenai hala tuju PDRM dalam menghadapi pandemik yang berulang. Amatlah diharapkan bahawa terdapat pengajaran daripada pengurusan OP COVID-19 yang dapat mensiapsiagakan PDRM dalam menghadapi situasi luar jangkaan di masa akan datang.

## RUJUKAN

- Ahmad, I. I. (2020). 26,366 individu ditahan sepanjang PKP, PKPB. *Berita Nasional*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/87126/BERITA/Nasional/26366-individu-ditahan-sepanjang-PKP-PKPB>.
- Bernama (2020). Proses dan Tindakan Diambil PDRM Perangi COVID-19 Didokumentasikan – KPN.  
<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1829038>
- Bonwitt, J., Dawson, M., Kandeh, M., Ansumana, R., Sahr, F., Brown, H. dan Kelly, A. H. (2018). Unintended consequences of the ‘bushmeat ban’ in West Africa during the 2013-2016 Ebola virus disease epidemic. *Social Science dan Medicine*, 200, 166-173.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Khor, V., Arunasalam, A., Azli, S., Khairul-Asri, M. G., dan Fahmy, O. (2020). Experience from Malaysia During the COVID-19 Movement Control Order. *Urology*. <https://doi.org/10.1016/j.urology.2020.04.070>
- Mokhtar, N. A. (2021). PDRM Tunggu Keputusan Kerajaan, Pelaksanaan SOP Lebih Ketat. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/774294/pdrm-tunggu-keputusan-kerajaan-pelaksanaan-sop-lebih-ketat>
- Overby, J., Rayburn, M., Hammond, K., dan Wyld, D. C. (2004). The China Syndrome: The impact of the SARS epidemic in Southeast Asia. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 16(1), 69–94.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Sinar Harian (2020). Proses, tindakan diambil PDRM perangi Covid-19 didokumentasikan. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/77569/KHAS/Covid-19/Proses-tindakan-diambil-PDRM-perangi-Covid-19-didokumentasikan>

Taylor, S. J. dan Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.